

# Awas dengan golongan yang menabur janji: Dr. M

**SUNGAI SIPUT, Sela-**sa (Bernama) — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengingatkan rakyat supaya tidak membiarkan adanya golongan yang cuba menjadikan mereka sebagai alat untuk kepentingan diri sendiri.

Menurutnya, di saat menghadapi pilihanraya ini ada golongan yang membuat berbagai janji hanya untuk menarik undi tetapi golongan itu tidak dapat berbuat apa-apa pun jika mereka dipilih.

Timbalan Perdana Menteri juga mengingatkan jika PAS dan DAP mendapat cukup kerusi untuk bersama-sama membentuk kerajaan, kedua parti itu akan hanya bercakar sesama sendiri untuk merebut kuasa.

Berucap diperjumpaan dengan lebih 1,000 orang di Sungai Siput Dato Seri Dr. Mahathir mengingatkan kembali akan rebutan kuasa yang berlaku di Trengganu ketika PAS berjaya membentuk Kerajaan di negeri itu dulu.

Katanya, perebutan kuasa berlaku di kalangan anggota PAS kerana ramal di antara mereka ingin merebut jawatan Menteri Besar atau Exco Negeri.

Dato Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan orangramal supaya tidak mementingkan siapa yang akan menjadi wakil rakyat mereka selepas pilihanraya ini tetapi haruslah memikirkan kerajaan yang akan

dibentuk.

Bellau menjelaskan tujuan utama pilihanraya ialah bagi memilih kerajaan baru dan bukannya wakil rakyat yang akan mewakili mereka.

Oleh sebab itu, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan pentingnya rakyat di negeri ini memberi sokongan kepada calon-calon BN tanpa memikirkan siapa dan dari apa keturunan calon itu.

Bellau menjelaskan BN dan dahulunya perikatan dibentuk atas kesedaran pentingnya perpaduan di negara ini yang mempunyai berbilang kaum demi untuk mencapai kemerdekaan.

Para pemimpin sedar bahawa kemerdekaan tidak akan tercapai jika hanya mendapat sokongan dari UMNO tanpa kerjasama dari MCA dan MIC ketika itu.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan jika calon-calon BN di tentang oleh orang-orang BN sendiri kerana soal peribadi "kita akan mengalami kerugian."

Dato Seri Dr. Mahathir juga menggesa rakyat berhati-hati kemungkinan ada golongan yang menggunakan isu perkauman untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Turut hadir di majlis ialah Encik S. Samy Velu, calon BN bagi kawasan Parlimen Sungai Siput, Dr. Lim Keng Yauk calon BN Dewan Negeri Jalong dan Encik Bashir bin Haji Bahari yang menang tanpa bertanding bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Lintang.